

RANCANGAN PENYELAMATAN



APAKAH ITU RANCANGAN PENYELAMATAN?

Rancangan Penyelamatan* adalah rancangan Tuhan untuk kebahagiaan anak-anakNya. Ia berpusat pada **Korban Tebusan** Yesus Kristus. Jika anda mengikut ajaran-ajaran Yesus Kristus, anda akan mendapat kedamaian jiwa yang berpanjangan dan kebahagiaan abadi selepas kematian.

Apabila anda belajar tentang rancangan penyelamatan, anda akan mendapat jawapan bagi soalan-soalan berikut: “Dari mana saya datang?” “Apakah tujuan saya dalam hidup ini?” “Ke manakah akan saya pergi selepas hidup ini?”

DARI MANA SAYA DATANG?

Hidup anda tidak bermula pada kelahiran, dan ia tidak akan tamat pada kematian. Anda terdiri dari satu badan roh (kadang-

kala dipanggil jiwa) dan satu badan jasmani. Bapa Syurgawi mencipta roh anda, dan anda hidup bersamaNya sebagai satu roh sebelum anda dilahirkan pada bumi. Anda mengenali dan menyayangi Dia, dan Dia mengenali dan menyayangi anda. Tempoh waktu ini dipanggil **kehidupan prafana**.

Sepanjang hidup prafana anda, anda diajar prinsip-prinsip dan perintah-perintah yang akan menuju ke kebahagiaan. Anda bertambah dalam

kebijaksanaan dan belajar untuk mencintai kebenaran. Anda telah diajar tentang rancangan penyelamatan. Semasa hidup prafana itu, Yesus Kristus telah dipilih sebagai Juruselamat; anda telah belajar bahawa melalui Dia anda akan dapat mengatasi kesan-kesan dari pilihan salah anda.

Sebahagian yang penting dalam rancangan Tuhan adalah untuk anda datang ke bumi untuk menerima tubuh badan jasmani dan untuk belajar untuk membuat pilihan yang betul. Anda tidak

*“Rancangan
[penyelamatan] . . .
telah dipersiapkan sejak
pelandasan dunia, melalui
Kristus, bagi semua barang
siapa yang akan percaya
pada namaNya.”*

Alma 22:13

*Perkataan-perkataan yang berwarna merah didefinisikan pada muka surat 18 dan 19.





dapat ingat masa anda hidup dalam kehadiran Bapa Syurgawi, tetapi Dia memberi anda kebolehan untuk mengetahui perihai yang betul dari yang salah. Anda akan dapat mengenali kasih sayang dan kebenarannya. Melalui pengalaman dan cabaran anda, anda boleh belajar untuk membuat pilihan yang betul dengan konsisten. Dengan bantuan Yesus Kristus, anda dapat kembali untuk berhidup bersama Bapa Syurgawi bila hidup anda di bumi tamat.

Dalam hidup profana anda sudah belajar bahawa hanya melalui pilihan untuk mengikut rancangan Tuhan anda dapat menerima kedamaian yang berpanjangan dan kepuasan dalam hidup ini dan keabadian. Kerana Dia menyayangi anda, Bapa Syurgawi memberikan anda **ikhtiar**, atau hak untuk

membuat pilihan. Dia membenarkan anda untuk memilih sama ada anda akan mengikut rancangannya dan Tuhan Yesus Kristus.

Setan, salah seorang anak roh Tuhan, memberontak terhadap rancangan Bapa Syurgawi dan tidak menerimanya. Dia hendak memaksa kita semua untuk melaksanakan kemahumannya. Dukacitanya, banyak dari anak-anak Bapa Syurgawi telah memilih untuk mengikut Setan. Setan dan para pengikutnya dihantar keluar dari kehadiran Tuhan dan tidak dibenarkan untuk dilahirkan pada bumi. Mereka terus wujud sebagai roh. Mereka bersengsara, dan mereka inginkan anda untuk bersengsara juga. Mereka menggoda anda dan semua anak-anak Tuhan untuk melakukan perkara yang mendatangkan kesedihan dan yang tidak meriangkan Tuhan.

Walaupun ingatan anda disembunyikan, sebelum anda datang ke bumi ini anda hidup dalam kehadiran Tuhan, Bapa Abadi anda, dan Puteranya, Yesus Kristus. Anda bersorak gembira bila diberi hak istimewa untuk datang ke bumi ini untuk menerima satu tubuh badan dan untuk mengikut rancangan Tuhan demi kebahagiaan anda.

*Perkataan-perkataan yang berwarna merah didefinisikan pada muka surat 18 dan 19.

Dalam hidup profana itu, anda telah memilih untuk beriman dalam Yesus Kristus dan untuk mengikuti rancangan Tuhan. Kerana pilihan anda, anda dilahirkan pada bumi. Hanya melalui pilihan yang sama ini anda dapat memperolehi kedamaian dalam hidup ini dan boleh kembali untuk hidup bersama Bapa Syurgawi selepas hidup ini tamat.

APAKAH TUJUAN SAYA DALAM HIDUP INI?

Penciptaan dan Kejatuhan

Bumi dicipta sebagai satu tempat untuk anak-anak Bapa Syurgawi untuk hidup dan memperolehi pengalaman. Adam dan Hawa adalah anak-anak pertama Tuhan yang datang ke bumi. Mereka hidup dalam satu tempat yang dipanggil Taman Eden, di mana mereka masih berada dalam kehadiran Tuhan.

Bapa Syurgawi memberikan Adam dan Hawa ikhtiar, atau kebebasan untuk memilih. Dia memerintah mereka supaya jangan makan buah dari pokok yang memberi pengetahuan tentang yang baik dan yang jahat. Pematuhan perintah ini bermakna mereka dapat berada dalam taman itu, tetapi mereka tidak dapat maju dengan pelajaran dari pengalaman-pengalaman dan cabaran-cabaran. Setan menggoda Adam dan Hawa untuk makan buah terlarang, dan mereka memilih untuk membuat demikian. Ini adalah salah satu bahagian rancangan Tuhan. Kerana keputusan mereka, mereka dipisahkan dari kehadiran Tuhan secara jasmani dan rohani. Mereka menjadi fana, iaitu, akan mengalami dosa dan kematian. Mereka tidak dapat kembali kepada Dia tanpa bantuanNya. Pemisahan jasmani dan rohani mereka dari Tuhan dipanggil **Kejatuhan**.

Bapa Syurgawi menghantarkan malaikat dan Roh Kudus untuk mengajar Adam dan Hawa tentang rancangan penyelamatan. Pusat rancangan ini adalah Korban Tebusan Yesus Kristus, yang membolehkan anak-anak Tuhan untuk mengatasi kesan-kesan Kejatuhan dan memperolehi kebahagiaan dalam hidup ini dan dalam keabadian.

*Perkataan-perkataan yang berwarna merah didefinisikan pada muka surat 18 dan 19.

*J*ika Adam tidak melanggar dia tidak akan jatuh, tetapi dia akan tetap tinggal di Taman Eden. . . .

“Dan [Adam dan Hawa] tidak akan memiliki anak; kerana mereka akan tetap tinggal dalam keadaan ketidakberdosaan, tidak merasakan sukacita, kerana mereka tidak mengenal kegetiran; tidak melakukan yang baik, kerana mereka tidak mengenal dosa.

“Tetapi lihatlah, segala sesuatu telah dilakukan dalam kebijaksanaan dari Dia yang mengetahui segala sesuatu.

“Adam jatuh agar manusia boleh ada; dan manusia ada, agar mereka boleh merasakan sukacita.”

2 Nefi 2:22–25



Kehidupan Anda pada Bumi

Kerana Kejatuhan, anda dipisahkan dari Tuhan secara jasmani dan rohani. Pemisahan ini adalah sebahagian dari rancangan Tuhan untuk anak-anakNya. Tujuan anda dalam peninggalan kehadiranNya dan kedatangan ke bumi termasuk memperoleh satu tubuh badan, mendapat pengalaman, dan belajar untuk membuat pilihan yang betul.

Banyak aspek kehidupan membawa kegembiraan, dan adanya membawakan kedukacitaan.

Pengalaman-pengalaman ini menolong anda belajar untuk membezakan antara yang baik dan yang jahat dan untuk membuat pilihan yang betul.

Tuhan menpengaruh anda untuk membuat yang baik dan mengikutNya, tetapi Setan menggoda anda untuk tidak mempedulikan Tuhan dan berdosa. (Berdosa adalah untuk memilih untuk melakukan yang salah atau tidak melakukan yang betul dengan sengaja.) Bila anda memilih untuk mengikut Tuhan dan mematu perintah-petintahNya, anda berkembang dalam kebijaksanaan dan kekuatan sifat. Anda boleh mengalami kebahagiaan walaupun pada masa cubaan, dan anda dapat menghadapi cabaran-cabaran hidup dengan roh kedamaian.

Anda telah buat banyak pilihan yang baik dalam hidup anda, tetapi anda juga buat pilihan yang salah. Bila anda buat pilihan yang salah dan berdosa, anda mengasingkan diri sendiri dari Tuhan. Kitab suci memanggil pemisahan ini **kematian rohani**. Selain daripada pemisahan anda dari Tuhan, dosa juga menyebabkan perasaan bersalah dan malu. Anda tidak dapat mengatasi dosa dan kesan-kesannya secara diri sendiri.

*“Saya anak Tuhan,
Dia hantarkan saya,
Berikan saya keluarga bumi
Dan ibubapa tercinta.
Pimpinku, bimbingku,
Tunjuk jalanNya.
Ajar saya supaya
Hidup bersama Dia.”*

Nyanyian Rohani, 101

*Perkataan-perkataan yang berwarna merah didefinisikan pada muka surat 18 dan 19.

Korban Tebusan Yesus Kristus

Kerana Bapa Syurgawi menyayangi anda, Dia menghantarkan PuteraNya, Yesus Kristus, untuk membayar demi dosa anda.

Bayaran ini adalah satu bahagian dari Korban Tebusan Yesus Kristus. Yesus Kristus menderita secara sukarela bagi dosa-dosa,

kepahitan, kesakitan, dan kesengsaraan anda. Melalui **rahmat** dan belas kasihanNya, Dia boleh membantu anda dalam cubaan anda dan menyelamatkan anda dari perasaan bersalah dan malu yang diakibatkan oleh dosa-dosa anda.

Dalam pembayaran demi dosa-dosa anda, Yesus tidak menghapuskan ikhtiar atau tanggungjawab peribadi anda—Dia tidak akan menyucikan anda bertentangan dengan keinginan anda. Untuk menerima bantuan dan

kekuatanNya, anda perlu menggunakan iman dalamNya, bertaubat, dibaptiskan, menerima Roh Kudus, dan memilih untuk mengikut ajaran-ajaranNya sepanjang hidup anda. Bila anda bergantung pada Korban Tebusan, anda akan merasa kasih sayang Tuhan, dan Dia akan menolong anda untuk menahan cubaan-cubaan anda. Anda akan mengalami kebahagiaan, kedamaian, dan kesenangan. Semua yang nampak tidak adil dalam hidup boleh menjadi adil melalui Korban Tebusan Yesus Kristus dan rahmat dan kasih sayang Bapa Syurgawi. Korban Tebusan adalah pusat dalam rancangan penyelamatan.

KE MANAKAH AKAN SAYA PERGI SELEPAS HIDUP INI?

Dari pandangan duniawi, **kematian jasmani** mungkin nampaknya satu ketamatan, tetapi sebenarnya ia adalah satu permulaan, satu langkah hadapan dalam rancangan Bapa Syurgawi. Pada kematian, roh anda akan meninggal tubuh badan anda

“Tuhan sangat mengasihi orang di dunia ini sehingga Dia memberikan Anak-Nya yang tunggal, supaya setiap orang yang percaya kepada Anak itu tidak binasa tetapi beroleh hidup sejati dan kekal.”

Yohanes 3:16

*Perkataan-perkataan yang berwarna merah didefinisikan pada muka surat 18 dan 19.

Juruselamat menderita untuk dosa-dosa kita dalam Taman Getsemani.



Pada kematian, roh anda meninggalkan tubuh badan anda dan pergi ke dunia roh, tempat untuk persediaan, pelajaran, dan tempat rehat dari kebimbangan dan kedukacitaan.

dan pergi ke **dunia roh**, satu tempat untuk pelajaran dan persediaan. Dalam dunia roh, ingatan tentang kehidupan ini masih berada bersama anda.

Kematian tidak akan mengubah sifat peribadi atau kehendakan anda terhadap yang baik atau yang jahat. Jika anda memilih untuk mengikut Kristus semasa hidup anda pada bumi, anda akan menjadi damai dalam dunia roh dan akan berehat dari kebimbangan anda. Mereka

yang pilih untuk tidak mengikut Yesus Kristus dan tidak bertaubat akan menjadi sedih.

Bapa Syurgawi tahu bahawa banyak anak-anakNya tidak akan berpeluang untuk mempelajari tentang Yesus Kristus semasa hidup mereka dan ada juga yang tidak akan memilih untuk mengikutNya. Kerana Dia menyayangi anak-anakNya, Tuhan menyediakan satu cara kepada mereka dalam dunia roh untuk mempelajari tentang rancanganNya, beriman dalam Yesus Kristus, dan bertaubat. Mereka yang menerima dan mengikut Yesus Kristus akan memperoleh kedamaian dan rehat.

Kebangkitan dan Penghakiman

Salah satu anugerah Tuhan yang agung kepada semua orang yang datang ke bumi adalah **kebangkitan**, yang dimungkin oleh Korban Tebusan Yesus Kristus. Bila Yesus mati di atas salib, RohNya pergi ke dunia roh. Tiga hari kemudian, rohnya bersatu dengan tubuh badanNya yang sudah dimuliakan dan yang sempurna yang tidak akan mati. Kesatuan tubuh badan dan roh ini dipanggil *kebangkitan*. Semua orang yang dilahirkan pada bumi akan dibangkitkan.

Selepas anda dibangkitkan, anda akan pergi ke hadapan Tuhan untuk dihakim menurut kerja-kerja dan hasrat hati anda.

*Perkataan-perkataan yang berwarna merah didefinisikan pada muka surat 18 dan 19.

Juruselamat yang telah dibangkitkan muncul kepada Maria.



Tingkat Kemuliaan

Selepas anda dihakim, anda akan hidup dalam satu keadaan kemuliaan. Kerana kerja dan hasrat hati setiap orang berbeza, syurga termasuk kerajaan berbeza, atau tingkat kemuliaan yang berbeza.

Kerajaan selestial. Bapa Syurgawi dan Yesus Kristus tinggal dalam kerajaan selestial. Jika anda hidup menurut injil Yesus Kristus dan disucikan dari dosa oleh Korban Tebusan, anda akan menerima satu tempat di situ, kerajaan yang tertinggi. Anda akan hidup dalam kehadiran Tuhan dan mengetahui kebahagiaan yang lengkap.

Kerajaan terestrial. Orang yang enggan menerima injil Yesus Kristus tetapi menghidupkan satu hidup yang mulia akan menerima satu tempat dalam kerajaan terestrial.

Kerajaan telestial. Mereka yang terus dalam dosa-dosa mereka dan tidak bertaubat akan menerima satu tempat dalam kerajaan telestial.

Korban Tebusan Yesus Kristus membuatkan penyelamatan satu kemungkinan.

Kehidupan Profana

Penciptaan dan
Kejatuhan


Kehidupan Bumi

Beriman dalam
Yesus Kristus
Pertaubatan
Pembaptisan
Kurnia Roh Kudus
Bertahan sampai akhir

Kematian
Jasmani

APAKAH MAKSUD RANCANGAN INI KEPADA SAYA?

Bila anda faham bahawa Tuhan adalah Bapa anda, dan Dia menyayangi anda, dan Dia sudah membolehkan anda untuk memperoleh pengalaman dan pengetahuan di sini dan menjadi seperti Dia selepas hidup ini, anda tahu tentang kepentingan keputusan anda semasa hidup ini. Anda faham bahawa anda mesti mengikut Yesus Kristus untuk menerima berkat-berkat yang lengkap dari rancangan Bapa Syurgawi.



BAGAIMANA SAYA DAPAT MENGETAHUI?

Pengetahuan yang lebih mendalam tentang rancangan penyelamatan sudah datang kerana Pemulihan injil Yesus Kristus melalui Nabi Joseph Smith.

Anda boleh mengetahui untuk dirimu bahawa perihal-perihal ini adalah benar dengan menanya Bapa Syurgawi melalui doa. Dia akan menjawab anda melalui Roh Kudus. Roh Kudus juga dipanggil Roh Tuhan, dan salah satu peranannya adalah untuk bersaksi, atau memberi keterangan, tentang kebenaran.

Bagaimana Saya Berdoa?

- *Mengucap kepada Bapa Syurgawi anda.*
- *Menyatakan perasaan-perasaan hati anda (kesyukuran, soalan, permohonan untuk memastikan kebenaran Kitab Mormon dan perihal-perihal yang sudah diajar oleh para mubaligh).*
- *Tutup (“Dalam nama Yesus Kristus, amin”).*

Perasaan-perasaan yang datang dari Roh Kudus adalah kuat, tetapi mereka biasanya juga halus dan senyap. Seperti yang diajarkan dalam Alkitab, “Sebaliknya, inilah hasilnya jika orang dipimpin oleh Roh Kudus: Mereka saling mengasihi, bersukacita, hidup rukun, sabar, berbudi, baik hati, setia, rendah hati, dan dapat mengawal diri” (Galatia 5:22–23). Perasaan-perasaan ini adalah satu penetapan dari Roh Kudus bahawa pesanan ini adalah benar. Anda seterusnya perlu memilih sama ada anda akan hidup selaras dengan ajaran-ajaran Yesus Kristus yang dipulihkan melalui Joseph Smith.

Anda boleh mengetahui kebenaran melalui doa yang ikhlas.



SENARAI ISTILAH

Dunia Roh Tempat di mana roh kita pergi di antara kematian dan kebangkitan. Kepada mereka yang soleh semasa hidup mereka, roh dunia adalah satu tempat yang damai dan bahagia.

Ikhtiar Anugerah dari Tuhan untuk memilih di antara yang baik dan yang jahat, di antara yang betul dan yang salah.

kebangkitan Selepas kematian jasmani, penyatuan roh dengan tubuh badan jasmani yang telah disempurnakan dan yang bertulang daging. Yesus Kristus adalah insan pertama yang dibangkitkan. Selepas kebangkitan, roh dan tubuh badan tidak akan dipisahkan, dan orang itu hidup selama-lamanya. Semua orang yang pernah hidup akan dibangkitkan kerana Korban Tebusan.

Kehidupan Fana Kehidupan kita sebelum kita dilahirkan pada bumi. Dalam kehidupan fana kita, kita hidup dalam kehadiran Bapa Syurgawi kita sebagai anak-anak rohNya. Kita tidak mempunyai tubuh badan jasmani.

Kejatuhan Kejadian di mana manusia menjadi fana. Ia mengakibatkan pemisahan rohani dan jasmani dari Tuhan. Kerana Adam dan Hawa, manusia pertama, melanggar perintah-perintah Tuhan, mereka dipisahkan dari kehadiranNya (pemisahan ini juga dipanggil kematian rohani) dan menjadi fana (akan mengalami kematian). Sebagai keturunan Adam dan Hawa, kita juga dipisahkan dari Tuhan dan akan mengalami kematian jasmani. Korban Tebusan Yesus Kristus mengatasi kedua-duanya kematian jasmani dan kematian rohani.

Kematian Jasmani Pemisahan roh dari tubuh badan yang fana. Bila tubuh badan jasmani mati, roh terus hidup dalam dunia roh. Kita mengatasi kematian jasmani melalui kebangkitan, yang dibuat mungkin oleh Korban Tebusan Yesus Kristus.

Kematian Rohani Pemisahan dari Tuhan sebagai akibat dari pelanggaran perintah-perintahNya. Kita diselamatkan dari kematian rohani melalui Korban Tebusan Yesus Kristus bila kita bertaubat dan mematuhi perintah-perintahNya.

Korban Tebusan Kejadian yang membolehkan kita untuk berdamai semula kepada Tuhan. Untuk menebus dosa adalah untuk menderitai hukuman untuk dosa, jadi itu akan

menghilangkan kesan-kesan dosa dari orang yang berdosa yang bertaubat. Yesus Kristus hanyalah satu-satunya insan yang mampu melakukan Korban Tebusan yang sempurna bagi seluruh umat manusia. Korban TebusanNya merangkumi penderitaanNya bagi dosa-dosa kita, pertumpahan darahNya, dan kematianNya dan KebangkitanNya. Oleh kerana Korban Tebusan, semua orang yang pernah hidup akan dibangkitkan. Korban Tebusan juga menyediakan kita satu cara untuk menerima pengampunan dosa-dosa kita dan hidup selama-lamanya bersama Tuhan.

Penyelamatan Pembebasan dari dosa dan kematian. Penyelamatan dibuat mungkin oleh Korban Tebusan Yesus Kristus. Melalui Kebangkitan Yesus Kristus, semua orang akan mengatasi kesan-kesan kematian. Kita dapat diselamat dari kesan-kesan dosa melalui iman dalam Yesus Kristus. Iman ini ditunjukkan dalam kehidupan pertaubatan dan pematuhan kepada undang-undang dan tatacara-tatacara injil dan pelayanan kepada Kristus.

Rahmat Pertolongan dan kekuatan ketuhanan yang diberi melalui belas kasihan dan kasih sayang Yesus Kristus. Melalui rahmatNya, yang dibuat mungkin oleh Korban TebusanNya, semua umat manusia akan dibangkitkan. Melalui rahmatNya, mereka yang terus bertaubat dan hidup mengikut injilNya akan merasa kedekatan yang berpanjangan kepada Bapa Syurgawi dalam hidup ini dan akan hidup dalam kehadiranNya selepas hidup ini.

Rancangan Penyelamatan Rancangan Bapa Syurgawi untuk membolehkan kita untuk menjadi sepertiNya dan menerima kebahagiaan yang penuh. Rancangan ini berpusat pada Korban Tebusan Yesus Kristus dan termasuk semua perintah, tatacara injil, dan ajaran injil.

Roh Bahagian seseorang yang pernah hidup dengan Bapa Syurgawi sebelum kelahiran. Semasa kehidupan pada bumi, roh disatukan dengan tubuh badan jasmani. Roh terus hidup selepas kematian.

Tatacara Injil Sebuah upacara kudus dan rasmi yang dijalankan oleh kuasa imamat. Contohnya termasuk pembaptisan, penerimaan Roh Kudus, dan pertemuan sakramen. Tatacara-tatacara injil sering kali bererti membuat perjanjian dengan Tuhan.

PEMBELAJARAN TAMBAHAN

Soalan-soalan dan ayat-ayat suci berikut akan membantu anda untuk mempelajari dengan lebih mendalam berkenaan prinsip-prinsip dalam risalah ini dan untuk merenungkan prinsip-prinsip itu. Senarai ini tidak menyeluruh; nota kaki dan rujukan silang dalam kitab-kitab suci akan mengarahkan anda kepada petikan-petikan dan sumber-sumber tambahan.

Apakah perhubungan anda dengan Tuhan sebelum anda dilahirkan?

Yeremia 1:5 (Alkitab, Perjanjian Lama)

Ibrani 12:9 (Alkitab, Perjanjian Baru)

Apakah itu Kejatuhan? Mengapa ia diperlukan?

2 Nefi 2:14–26 (Kitab Mormon, muka surat 85–86)

Alma 42:2–9 (Kitab Mormon, muka surat 474–475)

Apakah tujuan hidup anda di sini? Bagaimana pengetahuan ini boleh mempengaruhi keputusan-keputusan yang anda buat setiap hari ini?

2 Nefi 2:25–27 (Kitab Mormon, muka surat 86–87)

Alma 34:32 (Kitab Mormon, muka surat 449)

Apakah itu Korban Tebusan? Bagaimana ia dapat membantu anda dalam kehidupan harian anda?

Yohanes 3:16–17 (Alkitab, Perjanjian Baru)

Roma 3:23–25 (Alkitab, Perjanjian Baru)

2 Nefi 2:6–8 (Kitab Mormon, muka surat 83)

Alma 7:11–12 (Kitab Mormon, muka surat 337)

Alma 42:22–23 (Kitab Mormon, muka surat 476)

Apakah itu dunia roh? Apa yang berlaku di sana?

1 Petrus 4:6 (Alkitab, Perjanjian Baru)

Alma 40:11–14 (Kitab Mormon, muka surat 469)

Apakah maksudnya untuk dibangkitkan? Siapakah yang akan dibangkitkan? Mengapa kebangkitan penting?

2 Nefi 9:13–15 (Kitab Mormon, muka surat 107–108)

Alma 11:42–45 (Kitab Mormon, muka surat 355–356)

Apakah itu syurga? Mengapa adanya tingkat kemuliaan yang berbeza?

1 Korintus 15:40–43 (Alkitab, Perjanjian Baru)

MENYEMBAH BERSAMA KAMI

MARI DAN LIHAT BAGAIMANA INJIL YANG TELAH
DIPULIHKAN DAPAT MEMBERKATI HIDUP ANDA



Pertemuan sakramen adalah upacara penyembahan yang utama. Ia biasanya berlangsung selama lebih sedikit daripada satu jam dan biasanya mengandungi unsur-unsur berikut:

Lagu Rohani: Dinyanyikan oleh jemaah. (Buku-buku lagu rohani disediakan.)

Doa: Diberikan oleh ahli-ahli Gereja tempatan.

Sakramen: Roti dan air diberkati dan diserahkan kepada jemaah sebagai peringatan akan Korban Tebusan Yesus Kristus.

Para Pengucap: Biasanya satu atau dua orang ahli Gereja yang ditugaskan dari kalangan jemaah akan berucap tentang topik-topik injil.

Pakaian: Lelaki dewasa dan kanak-kanak lelaki secara umumnya memakai sut atau seluar panjang yang kemas dengan kemeja dan tali leher. Wanita dan gadis memakai baju perempuan atau skirt.

Sumbangan derma tidak diminta semasa upacara penyembahan.

Kami juga menjemput anda untuk menghadiri pertemuan-pertemuan tambahan, menurut minat dan kumpulan umur anda. Aturan dan perlangsunan pertemuan-pertemuan ini mungkin berbeza.

Sekolah Hari Ahad: Kelas-kelas untuk pembelajaran kitab suci dan ajaran-ajaran injil.

Pertemuan-pertemuan imam: Kelas-kelas untuk lelaki dewasa dan remaja lelaki yang berusia 12 dan ke atas.

Lembaga Pertolongan: Kelas-kelas untuk wanita yang berusia 18 dan ke atas.

Remaja Puteri: Kelas-kelas untuk gadis berusia 12 hingga 18.


Sekolah Primer: Penyembahan kumpulan dan kelas-kelas untuk kanak-kanak yang berusia antara 3 hingga 11. Nurseri sering kali sedia ada bagi kanak-kanak yang berusia antara 18 bulan hingga 3 tahun.



Masa pertemuan sakramen: _____

Alamat gereja: _____

Apa Yang Harus Saya Lakukan?



- Membaca Kitab Mormon.

Cadangan pembacaan: _____

- Berdoa untuk mengetahui bahawa perkara-perkara yang diajar oleh para mubaligh adalah benar.
- Menghadiri Gereja.
- Bersedia untuk dibaptiskan pada _____
- Lawati www.mormon.org untuk belajar dengan lebih lanjutnya tentang rancangan Bapa Syurgawi kepada anak-anakNya.
- Terus bertemu dengan para mubaligh untuk belajar dengan lebih lanjutnya tentang kebenaran yang sudah Tuhan pulihkan melalui para nabi zaman moden.

Temu janji seterusnya: _____

Nama dan nombor telefon para mubaligh:

**For Non-Muslim
For Church use only
Not for sale**

GEREJA
YESUS KRISTUS
ORANG SUCI
ZAMAN AKHIR

www.mormon.org

Kredit Imej

Muka hadapan: Perincian dari *Dia Sudah Bangkit*, oleh Del Parson. © Del Parson. Jangan buat salinan
Muka surat 11: Perincian dari *Kristus di Getsemani*, oleh Harry Anderson
Muka surat 13: *Dia Sudah Bangkit*, oleh Greg Olsen. © Greg Olsen. Jangan buat salinan
Muka surat 3, Yung-Lung Chou
Muka surat 17 oleh Shih-Yee Huang

© 2011 oleh Intellectual Reserve, Inc. Hak cipta terpelihara. Dicitak di Amerika Syarikat. Kelulusan Bahasa Inggeris: 11/05.
Kelulusan Penterjemahan: 11/05. Penterjemahan dari: *The Plan of Salvation*. Malay. 01141 348

MALAY



4 02011 41348 8

01141 348